

NO. SOALAN: 73

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan terhadap pandangan Mufti Perak dan Mufti Pahang mengenai isu 'bughah'.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjelaskan pandangan Sahibus Samahah Mufti Perak dan Mufti Pahang mengenai isu *bughah* ini, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 15 Januari 2014 telah memutuskan bahawa :

“ Setelah mendengar dan meneliti dua (2) kertas kerja yang telah disediakan mengenai penentuan hukum syarak mengenai jenayah bughah, dan setelah berbincang serta meneliti semua pandangan ulama’ serta pandangan ahli-ahli, Muzakarah Khas memutuskan **bahawa semua umat Islam perlu memahami pelaksanaan hukum bughah mengikut konsep dan ciri-ciri serta syarat sebenar yang telah ditetapkan oleh syarak**, ini kerana bughah termasuk dalam jenayah hudud yang belum dilaksanakan di Malaysia sebelum mengeluarkan sebarang pandangan dan hukum”.

Dalam kesempatan ini, ingin saya jelaskan bahawa dalam Mazhab Syafie, *bughah* didefinisikan sebagai “ **Orang yang menyalahi pemerintah yang adil, yang keluar daripada ketaatan kepadanya dengan cara enggan daripada melaksanakan kewajipan atau lain-lain dengan syarat-syaratnya**”. Terdapat beberapa ciri dan syarat yang berkaitan *bughah*. Ciri-ciri dan syarat-syarat tersebut adalah:

(i) **Kelompok tersebut adalah dari kalangan kaum muslimin.**

Jika kumpulan yang keluar menentang pemerintah adalah dari kalangan **bukan Islam**, mereka **tidak dinamakan *bughah***, sebaliknya mereka adalah kafir harbi yang wajib diperangi.

(ii) **Kelompok tersebut keluar daripada mentaati pemerintah yang sah.**

Karakter utama bagi kumpulan *bughah* adalah mereka **keluar daripada ketaatan terhadap pemerintah yang sah.**

Karakter utama bagi kumpulan bughah adalah mereka **keluar daripada ketaatan terhadap pemerintah yang sah**. Keengganan mereka daripada mentaati pemerintah boleh berlaku disebabkan motif-motif berikut;

- (a) **mahu menentang pemerintah;**
- (b) **enggan menuruti arahan pemerintah; dan**
- (c) **enggan menunaikan kewajipan berbentuk harta seperti kewajipan zakat.**

Pemerintah yang dimaksudkan ialah **pemerintah yang sah**, tanpa mengira sama ada pemerintah itu **adil ataupun zalim**. Justeru, kelompok yang keluar **menentang pemerintah yang sah** sekalipun pemerintah yang zalim, juga **boleh termasuk dari kalangan bughah**.

(iii) Kelompok tersebut mempunyai kekuatan.

Antara syarat yang disepakati oleh ulama dalam menyifatkan sesuatu kumpulan sebagai bughah ialah mereka **mempunyai *mana'ah* (منعة)**. Yang dimaksudkan dengan *mana'ah* ialah kumpulan mereka mempunyai **kekuatan yang mampu untuk melawan pemerintah, dan pemerintah pula memerlukan kepada penyediaan angkatan tentera untuk menumpaskan mereka**. Jika sesuatu kumpulan penentang pemerintah mempunyai kekuatan sedemikian, maka mereka **boleh dilabelkan sebagai bughah**.

(iv) Kelompok tersebut dipimpin oleh ketua.

Untuk dilabelkan sebagai bughah, kelompok tersebut hendaklah **mempunyai ketua atau pemimpin**. Jika tidak ada ketua yang memimpin gerakan penentangan, maka tidak dinamakan sebagai bughah.

(v) Kelompok tersebut mempunyai takwilan (kekeliruan/syubhah).

Yang dimaksudkan dengan takwilan ialah kekeliruan hujah yang mendorong mereka melakukan penentangan terhadap pemerintah. Contoh takwilan yang menjadi kekeliruan bughah ialah sebagaimana yang berlaku pada zaman pemerintahan Abu Bakar r.a. dalam kes mereka enggan menunaikan zakat, dengan beriktikad bahawa zakat tidak wajib diserahkan kecuali kepada Rasulullah S.A.W.

Sekian, terima kasih.